



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau

2024

RONA TINTA

e-BULETIN
EDISI
2024

FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU



CHIEF EDITOR
SYAZLIANA KASIM

EDITORS
FARRAH OTHMAN
NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI
SHAHRUL AMRI AB WAHAB
DR. HAFIZ ALI, M.



eISSN 2785-9126



9 7727 8591 2007

PROGRAM INNOCREATIVE YOUTH DAY 6.0

21 JUN 2024

DR SUTINA JUNOS

Pada 21 Jun 2024, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Kampus Rembau telah menganjurkan program Innocreative Youth Day 6.0 di Dewan Biduanda. Program ini adalah berkaitan dengan subjek MGT315. Program ini dilaksanakan sebagai sebahagian pemarkahan pelajar di dalam aspek penilaian berterusan kursus iaitu sebanyak 30% daripada markah keseluruhan. Program ini diadakan dengan objektif untuk:

- a) Mempraktikkan kemahiran dan teknik pemikiran kreatif yang dipelajari dikalangan para pelajar.
- b) Menggalakkan para pelajar berfikir secara inovatif dengan menghasilkan produk yang mempunyai nilai-nilai inovasi, unik dan memberi manfaat kepada komuniti.
- c) Dapat menggalakkan budaya pelajar yang berfikiran ke hadapan dan menerapkan pemikiran kreatif dan inovasi didalam setiap aspek pelajaran, pekerjaan dan juga kehidupan.
- d) Menerapkan aspek kerjasama di dalam kumpulan (team work) dan nilai-nilai kompetensi yang perlu ada didalam diri seorang pelajar yang kreatif dan berinovasi.
- e) Dapat memberi peluang kepada para pelajar dalam membentangkan idea-idea kreatif dan berinovasi kepada penilai serta dapat membentuk keyakinan diri didalam diri pelajar apabila berhadapan dengan penilai.



Program ini telah berjalan dengan lancar di mana sebanyak 56 kumpulan terdiri daripada 241 orang pelajar bahagian 4 BA111 telah menyediakan booth untuk membentangkan prototaip atau model produk kepada panel juri. Terdapat 3 kategori bagi produk yang dihasilkan pelajar iaitu Food & Beverages, Teaching & Learning dan Community Problem Solving. Produk yang dihasilkan oleh Pelajar mendapat pujian daripada panel Juri. Tiada masalah besar yang dihadapi kerana tempat masa dan tarikh sangat sesuai dan menepati objektif penganjuran.

Antara cadangan penambakan program daripada pihak terlibat termasuk; untuk membuat promosi besar-besaran dan menjemput pakar-pakar dari industri untuk berkongsi pengalaman mengenai inovasi kepada peserta.

